

Klirar pelajar lunaskan perjuangan yang belum selesai

PERJUANGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang belum selesai dalam memastikan orang Melayu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bukan Melayu dalam dunia pendidikan akan diteruskan oleh generasi mahasiswa hari ini dan akan datang.

Inilah janji barisan kepemimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) institusi pengajian tinggi awam (IPTA) apabila diminta bercakap mengenai persaraan Dr. Mahathir pada hari ini.

Yang Dipertua (YDP) MPP Universiti Putra Malaysia (UPM), **Sahar Jaludin**, berkata, mahasiswa UPM akan meneruskan perjuangan orang Melayu yang belum selesai dalam bidang pendidikan.

Menurutnya, pesanan Dr. Mahathir kepada mahasiswa untuk bangkit dan mara ke hadapan memartabatkan bangsa Melayu menerusi penguasaan ilmu dan ekonomi akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

"Mahasiswa akan meneruskan perjuangan yang belum selesai dalam menambah bilangan graduan kelas pertama dalam bidang sains dan teknologi.

"Mahasiswa juga akan terus berusaha untuk menyelesaikan perjuangan meningkatkan jumlah profesional Melayu dalam bidang-bidang kritikal," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau mewakili seluruh warga kampus UPM ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Mahathir yang telah membawa satu perubahan besar yang positif kepada pembangunan pendidikan tinggi negara.

"Terima kasih Dr. Mahathir kerana jasa dan sumbangan yang begitu besar terhadap kemajuan pendidikan di negara ini," katanya.

YDP MPP Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), **Nisar Mohammad Ahmad** berkata, ucapan jutaan terima kasih tidak mencukupi untuk membalas jasa Dr. Mahathir yang berjaya mengubah minda orang Melayu terhadap kepentingan pendidikan tinggi.

"Dr. Mahathir pernah menjadi Menteri Pelajaran pada tahun 1974 dahulu, justeru beliau faham kehendak mahasiswa hari ini," katanya.

Beliau yang mewakili seluruh mahasiswa KUIM tidak mahu ketinggalan untuk mengucapkan terima kasih kepada Dr. Mahathir yang sudi merasmikan majlis pecah

tanah kampus tetap KUIM di Nilai, Negeri Sembilan pada bulan Ogos lalu.

Kesudian itu, katanya membuktikan bahawa Dr. Mahathir, walaupun dalam kesibukannya mengurus negara masih mahu berdamping dengan mahasiswa dengan mencuri masa untuk hadir pada majlis berkenaan.

YDP MPP Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), **Siti Salwa Ahmad Zur** berkata, beliau mewakili seluruh warga kampus menyampaikan salam dan ucapan terima kasih kepada Dr. Mahathir.

Menurutnya, sumbangan dan jasa Dr. Mahathir selama 22 tahun memegang tampuk pemerintahan negara begitu besar dan hasilnya kini dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat.

"Banyak perubahan telah dilakukan dan paling ketara dalam membangunkan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata, perubahan besar yang dapat dilihat ialah Malaysia yang sebelum ini memberi tumpuan pada sektor pertanian kini muncul sebagai sebuah negara membangun yang kaya dengan sektor industri.

"Kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dapat dilihat pada kewujudan Koridor Raya Multimedia," katanya.

Selain itu, katanya, golongan mahasiswa begitu kagum dengan kebijaksanaan Dr. Mahathir menangani kejatuhan ekonomi yang teruk melanda Malaysia pada tahun 1997.

"Kejayaan beliau membawa keluar Malaysia daripada kancah kemelesetan ekonomi dunia tanpa bergantung kepada Barat melayakkannya menerima gelaran baru iaitu Bapa Ekonomi Malaysia," katanya.

YDP MPP Universiti Malaysia Sabah (UMS), **Sapri Raupu**, berkata, tiada kata-kata yang boleh dicari untuk melafaskan ucapan terima kasih kepada Dr. Mahathir.

Menurutnya, sumbangan dan jasanya terlalu besar sehingga rakyat hari ini menikmati pelbagai kemajuan yang mungkin tidak pernah difikirkan boleh berlaku di Malaysia satu ketika dahulu.

"Contoh paling jelas ialah kelantangan Dr. Mahathir bersuara di pentas dunia dalam menyuarakan pendapatnya.

"Keberanian dan sikap beliau dalam menangani hal-hal antarabangsa telah membuka mata banyak pihak tentang kehebatan Malaysia," katanya.